

Headline	Rebat 2.5 peratus untuk pelanggan TNB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	14
ArticleSize	101 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,423		




Rebat 2.5 peratus untuk pelanggan TNB

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan membayar faedah tahunan atau rebat kepada setiap pelanggan sebanyak 2.5 peratus daripada jumlah deposit keselamatan elektrik masing-masing.

TNB dalam satu kenyataan semalam berkata, pelanggan bakal menerima manfaat tersebut seperti yang dilaksanakan pihaknya setiap tahun.

Menurutnya, rebat itu akan dikreditkan ke bil elektrik pelanggan bagi bulan ini berdasarkan peruntukan di



bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

“Menerusi faedah tahunan ini, deposit keselamatan pelanggan TNB akan bertambah dari masa ke masa kerana dikira berdasarkan baki deposit terkumplu. Bagaimanapun, rebat hanya diberikan jika deposit dibayar secara tunai.

“Pelanggan dengan jumlah deposit melebihi RM2,000 mempunyai pilihan untuk membayar secara tunai atau melalui jaminan bank,” katanya.